

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD  
[ LANGKAWI ]**

**TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)**

**DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [ LANGKAWI ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah Kementerian bersetuju supaya semua rangkaian stesen minyak Petronas yang berjumlah lebih daripada 1,000 stesen diwajibkan mengambil barang-barang keluaran syarikat Bumiputera demi untuk memberi peluang memasarkan barangan mereka kerana rata-rata pengeluar barangan Bumiputera mengeluh barangan mereka tidak ada tempat untuk dipasarkan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pada ketika ini, Kementerian belum mempunyai sebarang ketetapan dasar untuk mewajibkan supaya rangkaian stesen minyak Petronas memasarkan barang-barang keluaran syarikat Bumiputera di premis-premis mereka.

Walau bagaimanapun, Kementerian sangat mengalu-alukan kerjasama oleh rangkaian stesen minyak Petronas untuk memberi peluang kepada produk keluaran usahawan Bumiputera khususnya yang mengeluarkan produk keluaran tempatan di stesen minyak Petronas. Kementerian perlu mengadakan *engagement* atau berbincang dengan pihak Petronas atau syarikat-syarikat minyak lain bagi tujuan tersebut.

Di samping itu, Kementerian juga akan berbincang dengan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, persatuan-persatuan pengilang Bumiputera dan pihak-pihak yang berkaitan dalam usaha meningkatkan bilangan produk Perusahaan Kecil dan Sederhana Bumiputera di stesen-stesen minyak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]**

**TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN : 22**

**Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah pampasan yang dibayar kepada dua syarikat swasta asal yang menguruskan AES apabila sistem saman AES ini diambil alih oleh Syarikat Milik Kerajaan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Proses mengambilalih pemilikan dan operasi AES daripada kedua-dua syarikat penyedia perkhidmatan sedang berlangsung dan sedang dalam penelitian terperinci oleh pihak yang berkepentingan. Memandangkan perkara tersebut masih belum dimuktamadkan, maka amaun pengambilalihan tidak dapat dinyatakan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Ingin saya tekankan di sini bahawa Kerajaan komited untuk meneruskan pelaksanaan AES bagi memperkasakan elemen penguatkuasaan lalu lintas dalam usaha menangani isu kemalangan jalan raya sepertimana yang dihasratkan oleh rakyat secara amnya.